

1. Sikap buruk Choi Peck yang suka keluar malam itu amat _____ keluarganya.

- ☐ A menyakitkan
- ☐ B menjejaskan
- ☐ C menakutkan
- ☐ D merisaukan

2. Sekumpulan pemuda di kampung itu akan _____ persatuan belia tidak lama lagi.

- ☐ A mengadakan
- ☐ B menubuhkan
- ☐ C menimbulkan
- ☐ D mempamerkan

3. Jabatan Pertanian amat menggalakkan golongan belia supaya _____ penanaman tanaman komersial di kawasan tanah terbiar di kampung masing-masing.

- ☐ A mengusahakan
- ☐ B menggerakkan
- ☐ C menggiatkan
- ☐ D melebarkan

4. Ketika kami tiba di rumah Mak Zainab, dia sedang _____ tepung untuk dibuat karipap.

- ☐ A menguli
- ☐ B melumur
- ☐ C menebar
- ☐ D mencanai

5. Kawalan keselamatan akan diperketat di kawasan sempadan negara kita untuk _____ kemasukan pendatang asing.

- ☐ A menolak
- ☐ B menambat
- ☐ C membantah
- ☐ D menghalang

6. Ai Ling dan rakan-rakannya selalu _____ perbincangan secara berkumpulan untuk mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sesuatu subjek.

- ☐ A menemukan
- ☐ B menetapkan
- ☐ C mengadakan
- ☐ D mengemukakan

7. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Anggota bomba itu _____ banjir sambil mendukung seorang kanak-kanak.

- ☐ A melintas
- ☐ B memintas
- ☐ C merempuh
- ☐ D mengharung

8. Aktiviti _____ bijih timah telah dilakukan oleh para pekerja lombong sejak sektor perlombongan bijih timah terkenal di Lembah Kinta dan Kuala Lumpur pada abad ke-18.

- ☐ A menampi
- ☐ B mencedok
- ☐ C mengayak
- ☐ D mendulang

9. Puan Mastura _____ nasi di dapur sementara menunggu suaminya pulang dari tempat kerja.

- ☐ A mereneh
- ☐ B merebus
- ☐ C menanak
- ☐ D mengukus

10. Ahli-ahli Kelab Alam Sekitar sekolah itu sedang _____ logo kelab mereka di atas sekeping kertas lukisan.

- ☐ A menulis
- ☐ B melakar
- ☐ C membina
- ☐ D mencatat

11. Para pemain pasukan bola keranjang itu telah _____ para penonton dengan permainan yang cukup bertenaga.

- ☐ A menarik
- ☐ B memikat
- ☐ C memukau
- ☐ D menambat

12. Ayah pergi ke tadika itu untuk _____ nama adik sebagai murid.

- ☐ A menyarankan
- ☐ B mendaftarkan
- ☐ C mencanangkan
- ☐ D mencadangkan

13. Abang meminta bantuan rakannya untuk _____ radionya yang rosak itu.

- ☐ A mengubah
- ☐ B mengubah
- ☐ C membaiki
- ☐ D menjaga

14. Pihak polis marin telah _____ beberapa buah bot nelayan asing di perairan negara kita pagi semalam.

- ☐ A menolak
- ☐ B menahan
- ☐ C mengawal
- ☐ D menambat

15. Para pemain pasukan bola sepak Sepanyol sedang _____ piala sebagai meraikan kejuaraan mereka dalam Kejohanan Piala Dunia.

- ☐ A mengelek
- ☐ B menjinjing
- ☐ C menjulang
- ☐ D mengandar

16. Risalah kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan itu _____ maklumat tentang langkah-langkah pencegahan penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak.

- ☐ A memuatkan
- ☐ B melampirkan
- ☐ C memenuhi
- ☐ D menayangkan

17. Hamdan _____ semua harta kekayaan ayahnya kerana dia anak tunggal.

- ☐ A mewakili
- ☐ B mewarisi
- ☐ C mendiami
- ☐ D menakluki

18. Akasya _____ ucapan tahniah di atas kad untuk rakannya yang baru sahaja menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh.

- ☐ A menulis
- ☐ B melakar
- ☐ C mereka
- ☐ D melukis

19. Mariana sedang _____ adik bongsunya yang berusia lima bulan sementara menunggu ibunya pulang dari tempat kerja.

- ☐ A menyandang
- ☐ B mendukung
- ☐ C mengandar
- ☐ D menjinjing

20. Nenek Mariam _____ perangkat untuk menangkap musang yang sering makan ayam-ayam ternakannya.

- ☐ A memasang
- ☐ B memadam
- ☐ C memagar
- ☐ D memikat